

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

SOALAN NO. 383

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah kekurangan mesin hemodialisis dan mesin fototerapi di hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengambil berat tentang keperluan kelengkapan peranti perubatan hospital termasuk alat hemodialisis dan fototerapi. Sejak 2015 sehingga 2019, peruntukan sebanyak RM25.5 juta untuk mesin hemodialisis dan RM2.85 juta untuk mesin fototerapi telah diagihkan ke hospital-hospital KKM seluruh negara untuk perolehan bagi tujuan penggantian aset perubatan lama mahupun perolehan peralatan perubatan baru.

Sekian, terima kasih.